

▼26/05/19-20MST

U GB 26-05 00177 BA861

aab

Mahathir - Penyayang (Bergambar)

SETIAP RAKYAT TERHUTANG KEPADA MASYARAKAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata setiap rakyat perlu merasakan bahawa mereka berhutang kepada masyarakat kerana mereka hanyalah penjaga harta dan kekayaan yang mereka miliki sekarang.

Sebagai penjaga harta dan kekayaan itu, Perdana Menteri berkata, mereka hendaklah sentiasa sanggup menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

"Dalam hal ini, saya sangat berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang sentiasa bersedia untuk menghulurkan derma apabila diminta," katanya ketika berucap pada majlis jamuan teh bagi meraikan artis-artis cacat dan penderma Tabung Kesenian Orang Cacat di sebuah hotel di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, sikap pemurah rakyat Malaysia itu perlu diteruskan sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang di negara ini.

Sikap yang ada itu, katanya, akan mempercepatkan lagi pencapaian matlamat berkenaan kerana sekarangpun tanda-tanda masyarakat Malaysia menuju ke arah itu sudah kelihatan melalui apa sahaja bentuk derma yang dianjurkan, baik oleh kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan. -- Lagi.

▼26/05/19-29MST

U GB 26-05 00122 BA862

aab

Mahathir - Penyayang 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, setiap manusia yang dilahirkan di dunia ini mempunyai kecacatan, bezanya cuma sama ada kecacatan itu berbentuk fizikal atau bukan fizikal.

"Saya juga mempunyai kecacatan kerana seperti manusia lain, saya juga dilahirkan tidak sempurna," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kecacatan bukan penghalang untuk seseorang itu mencapai kejayaan kerana di sebalik kecacatan, ada keistimewaan tertentu yang diberikan Tuhan.

Keistimewaan itulah, katanya, jika mendapat peluang sewajarnya, boleh dijadikan aset yang amat berguna.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dihiburkan dengan pelbagai persembahan nyanyian, tarian dan muzik oleh artis-artis cacat. -- Bernama.

AH NMO

▼26/05/19 10MST